
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JTP 460 – KEWANGAN KORPORAT

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Anda dikehendaki menjawab **EMPAT** soalan dari Bahagian A dan **EMPAT** soalan dari Bahagian B.

Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

BAHAGIAN A

1.
 - (a) Definiskan “pasaran cecap”.
 - (b) Huraikan tiga bentuk hipotesis pasaran cecap.
 - (c) Huraikan implikasi kecekapan sekiranya pasaran kewangan cecap berbentuk separuh kuat.

(15 markah)

2.
 - (a) Definiskan Opsyen.
 - (b) Huraikan dua bentuk Opsyen.
 - (c) Huraikan empat faktor dalam menentukan opsyen.

(15markah)

3. Bincangkan Opsyen Benar dan Tiga (3) bentuk pilihan pelaburan yang boleh dilaksanakan oleh pihak pengurusan.

(15 Markah)

4. Berikan lima faktor yang mempengaruhi dasar dividen yang perlu di pertimbangkan oleh lembaga pengarah.

(15 markah)

5. Bincangkan tiga strategi pembayaran dividen yang dapat dilaksanakan oleh syarikat.

(15 markah)

6. Huraikan tiga sumber-sumber pembiayaan jangka pendek (Terunding) yang syarikat boleh perolehi daripada institusi-institusi kewangan.

(15 Markah)

BAHAGIAN B

7. Andaikan Syarikat Tulus Iklas Sdn Bhd ingin mengetahui jumlah yang harus dipesan agar kos-kos inventornya dapat diminimumkan. Jualan yang dibuat adalah sebanyak 12,000 unit setahun. Peratus kos penyimpanan adalah 30 peratus daripada nilai inventori. Harga belian setiap unit adalah RM7.50 dan kos pesanan adalah sebanyak RM1,500 setiap kali pesanan. Carikan kuantiti pesanan ekonomi dan bilangan pesanan yang perlu dilakukan oleh syarikat.

(10 markah)

...3/-

8. Kadar pulangan bil perbendaharaan 90-hari dianggarkan 4 peratus manakala indeks pasaran dijangka menghasilkan pulangan 9.5 peratus. Syarikat Mendellama yang kini dijual pada harga RM12.30, mempunyai koefisien beta 1.9. Sekiranya saham baru diterbitkan, kos apungan adalah RM1.20 sesaham. Dengan menggunakan pendekatan CAPM, apakah kos perolehan tertahan dan saham biasa baru Syarikat Mandellama?
- (10 markah)
9. Syarikat Kembara Bhd mengeluarkan 20,000 unit tayar setahun dengan harga RM250 seunit. Jumlah kos berubah adalah RM3,000,000 setahun dan kos berubah seunit adalah RM150 dan kos tetap adalah RM1,000,000 setahun. Andaikan syarikat cuba mengurangkan kos buruh sebanyak RM25 seunit dengan tujuan untuk membeli sebuah mesin baru yang bernilai RM1,000,000. Mesin tersebut dianggarkan disusut nilai untuk tempoh 10 tahun dengan menggunakan kaedah garis lurus. Kos tetap akan meningkat sebanyak RM100,000. Carikan kuantiti pulangan modal yang baru.
- (10 markah)
10. Syarikat Warna Hati Bhd telah membayar dividen sebanyak RM0.35 sesaham baru-baru ini. Dividen dijangka akan meningkat padar kadar 7 peratus untuk tempuh yang tidak pasti.
- (a) Jika kadar pulangan dikehendaki bagi sesaham ialah 12 peratus, apakah nilai saham syarikat ini pada tahun hadapan?
- (5 markah)
- (b) Berapakah nilai saham pada tahun ke-5?
- (5 markah)

